

Banjir di Kedah pulih

ALOR SETAR: Banjir yang melanda Kedah sejak 1 November lalu pulih sepenuhnya apabila semua mangsa dibenarkan pulang, semalam, dan berikutan itu, Bilik Gerakan Banjir Majlis Keselamatan Negara (MKN) negeri ditutup.

Jurucakap MKN Kedah bagaimanapun berkata, 301 mangsa daripada 110 keluarga dari Kubang Pasu masih ditempatkan di empat pusat pemindahan kerana mereka memerlukan masa untuk membersihkan rumah masing-masing.

Sementara itu, semua mangsa banjir di Kedah yang belum berdaftar dengan mana-mana agensi berkaitan diminta untuk mengisi borang khas yang dikeluarkan mulai hari ini bagi membolehkan Kerajaan Persekutuan menyalurkan bantuan.

Bercakap pada sidang media di sini, kelmarin, Pengerusi Jawatankuasa Khas Banjir negeri, Datuk Ahmad Bashah Md Hanipah, berkata borang boleh diperoleh di pejabat Jabatan Kebajikan



SUKARELAWAN Takaful Malaysia Wilayah Utara bersama penduduk kampung membersihkan kesan banjir Madrasah Haji Wan Salleh di Kampung Sungai Baru, Jitra, semalam.

Masyarakat (JKM), MKN, Pejabat Pembangunan Negeri Kedah, pusat khidmat wakil rakyat Barisan Nasional (BN) serta pejabat parti kom-

ponen BN yang perlu diisi sebelum 28 November ini untuk memastikan tiada mangsa banjir tercicir daripada mendapat bantuan.